

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/10/21\_76 (HQ)

### TNB SEDIA MENGHADAPI MUSIM BANJIR

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** sudah membuat persiapan rapi bagi menghadapi kemungkinan bencana banjir dalam usaha memastikan soal pengurusan bekalan tenaga elektrik teratur dan berkesan serta meminimumkan kerosakan pepasangan demi mengutamakan keselamatan orang awam.

“Seperti biasa setiap kali menjelang musim tengkujuh, TNB membuat latihan demi latihan supaya anggota kerja sentiasa berada dalam keadaan siap siaga serta memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing apabila berlaku banjir,” kata Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian (Chief Distribution Network Officer) TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood.

“Lebih 2,500 orang daripada Bahagian Rangkaian Pembahagian telah disenaraikan untuk menganggotai Pasukan Kecemasan Keselamatan yang akan bertugas 24 jam bagi melakukan kerja-kerja segera di kawasan berlaku gangguan akibat bencana berkenaan.”

Bantuan logistik di lokasi-lokasi yang sering dilanda banjir sudah disiapkan termasuk 296 set janakuasa bergerak, 227 set janakuasa kecil mudah alih 5kW/2.5kW, 279 buah lori, 885 kenderaan pacuan empat roda, 38 buah bot dan 108 lampu limpah.

Menurut Wan Nazmy, TNB bekerjasama rapat dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah serta akan membuka bilik-bilik gerakan di negeri-negeri yang terbabit banjir untuk memantau keadaan dan menyalurkan maklumat terkini bekalan elektrik.

Pusat-Pusat Penempatan Sementara (PPS) yang dikenalpasti turut diperiksa bagi memastikan bekalan elektriknya berada dalam keadaan baik.

“Dalam suasana banjir terutama premis yang dinaiki air, orang ramai dinasihatkan agar berhati-hati menggunakan peralatan elektrik dan suisnya. Jangan menyentuhnya dengan tangan basah dan lembap kerana boleh menyebabkan renjatan elektrik.”

“Selepas banjir surut pula, pemeriksaan menyeluruh pendawaian premis perlu dilakukan oleh kontraktor pendawaian yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga bagi memastikan ia selamat digunakan,” tambah Wan Nazmy.

Pengguna yang terputus bekalan elektrik ketika musim banjir dinasihatkan untuk segera menghubungi TNB di talian 15454 atau Facebook TNB CareLine untuk tindakan lanjut.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 21 Oktober 2022, jam 10:00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Wan Nazmy Wan Mahmood  
Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB (TNB Chief Distribution Network Officer)



Pasukan genset TNB sentiasa siap siaga untuk digerakkan pada bila-bila masa apabila diperlukan dalam membendung impak banjir kepada rakyat di kawasan terjejas dinaiki air.